

30/04/1997

Dakwaan media asing tidak benar

PETALING JAYA, Selasa - Wisma Putra menolak dakwaan media asing yang menggambarkan Malaysia menggunakan format persetujuan bersama dalam Asean bagi menghalang kemasukan Australia dalam Mesyuarat Asia-Eropah (Asem).

Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, berkata Malaysia tidak pernah menggunakan kesepakatan Asean untuk menentang atau membantah sebarang keputusan.

Beliau berkata, Malaysia tidak perlu menggunakan strategi itu, sebaliknya mengemukakan pandangan yang bernas mengenai pelbagai perkara dalam Asean.

"Kita akan beri pandangan yang wajar dan jika pandangan kita baik, kita akan mendapat sokongan daripada negara lain. Bukan bermakna orang lain setuju, kita seorang tidak setuju maka kita bersikap degil.

"Selama ini, kita beri pandangan dan berhujah. Jika orang anggap pandangan itu baik dan munasabah, mereka bersetuju," katanya sambil mengakui bukan mudah mendapat kesepakatan dalam Asean.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis pembukaan Kongres Kebangsaan Wawasan 2020 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini, hari ini.

Abdullah mengulas laporan sebuah agensi berita hari ini yang menyebut media asing menggambarkan Malaysia menggunakan format persetujuan bersama dalam Asean bagi menghalang kemasukan Australia dalam Asem.

Laporan itu menyebut, Kuala Lumpur sebelum ini menyatakan Australia bukan negara Asia kerana ia terletak di luar rantau ini.

Mengenai gesaan Perdana Menteri Jepun, Ryutaro Hashimoto, supaya Australia diberi tempat dalam Asem pada masa akan datang, Abdullah berkata, soal keanggotaan Asem ditentukan oleh Sidang Kemuncak Asem di London tahun depan.

(END)